

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)

SUKATAN PELAJARAN

PENGAJIAN AM

(dengan pengubahsuaian terkini)

Matlamat

Matlamat sukatan pelajaran Pengajian Am adalah untuk mengembangkan dan meningkatkan kefahaman, kematangan berfikir, dan keberkesanan penyampaian dalam pelbagai bentuk komunikasi pada tahap posmenengah dan prauniversiti.

Objektif

Objektif sukatan pelajaran Pengajian Am adalah untuk membina

- (a) kebolehan mengeluarkan fikiran yang logis dan teratur dengan menggunakan bahasa yang berkesan,
- (b) kebolehan mengulas teks secara kritis dan objektif,
- (c) kebolehan mentafsir dan menganalisa teks yang dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti prosa, puisi, statistik, graf dan gambar rajah,
- (d) pengetahuan tentang kenegaraan Malaysia dan pengetahuan am dari perspektif semasa dan perspektif sejarah

Kandungan

Bentuk komunikasi

Pembacaan haruslah meluas dan meliputi pelbagai bentuk komunikasi iaitu bahan laras sastera (prosa kreatif, puisi) dan bahan laras saintifik (prosa teknik yang mengandungi statistik, dan gambar rajah)

Kedalaman pengajian

Kajian dan pengetahuan berkenaan sesuatu bidang itu hendaklah memperlihatkan kematangan dalam kefahaman dan pemikiran.

Bidang bacaan

Bidang	Catatan
Sains sosial: Meliputi bidang sosiologi, pendidikan, politik, ekonomi, psikologi, geografi dan kebudayaan.	Tumpuan hendaklah diberikan kepada persoalan umum semasa
Kemanusiaan: Meliputi bidang keagamaan, sejarah, falsafah, sukan dan linguistik	Tumpuan hendaklah diberikan kepada persoalan umum yang menyentuh manusia sejagat
Sains dan teknologi: Meliputi bidang sains, matematik, kejuruteraan, perubatan, komputer, veterinary, pertanian dan perikanan	Tumpuan hendaklah diberikan kepada sejarah, falsafah, prinsip dan aplikasinya.
Karya kreatif Meliputi riwayat hidup, kisah, perasaan, emosi dan imaginasi.	Tumpuan hendaklah diberikan kepada aspek kebahasaan

Pengetahuan Kenegaraan Malaysia

Pengetahuan ini haruslah meliputi sistem pentadbiran dan perundangan Malaysia yang berasaskan perlembagaan negara.

Pentadbiran – Sistem pentadbiran kerajaan Malaysia secara keseluruhan

- Struktur dan organisasi pentadbiran diperingkat persekutuan , negeri, daerah
- Peranan dan Tanggung jawab organisasi pentadbiran

Perundangan - Sejarah Perundangan negara

- Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sebagai badan penggubal undang-undang
- Sistem kehakiman

Pengetahuan Am

Pemahaman isu-isu penting mengenai Malaysia dan daerah seranta, serta isu-isu penting tentang Malaysia dan dunia dari segi ekonomi, kebudayaan dan kerjasama serantau.

Bentuk Peperiksaan :

Mengikut Format Baru Peperiksaan STPM 2005

PENGAJIAN AM KERTAS 1 (900/1)

Bahagian	Jumlah soalan	Peruntukan masa	Jumlah markah	Wajaran
Bahagian Kenegaraan, Bahagian Dasar Dalam dan Luar Negara, Bahagian isu semasa serta penyelesaian masalah	60 soalan (Aneka Pilihan) Jawab semua	Dua (2) jam	60	37.5%

PENGAJIAN AM KERTAS 2 (900/2)

Bahagian	Jumlah soalan	Peruntukan masa	Jumlah markah	Wajaran
Bahagian A: Esei laras sastera	2 soalan (Jawab satu sahaja)	3 jam	25	62.5%
Bahagian B: Esei laras sains	2 soalan (Jawab satu sahaja)		25	
Bahagian C: Kefahaman dan ulasan teks	4 petikan (2 petikan laras sastera dan 2 petikan laras sains) Jawab satu petikan bagi setiap laras.		20	
Bahagian D: Mengalih bentuk teks linear kepada bukan linear	2 soalan (Jawab satu sahaja)		15	
Bahagian E: Mengalih Bentuk teks bukan linear kepada linear	2 soalan (Jawab satu sahaja)		15	

HURAIAN KANDUNGAN SUKATAN PELAJARAN

Kandungan

Bentuk Komunikasi (Anggaran 300 waktu)

Pembaca haruslah meluas dan meliputi pelbagai bentuk komunikasi, iaitu bahan laras bahasa sastera (prosa kreatif, puisi) dan bahasa laras saintifik (prosa teknik yang mengandungi statistik, gambar rajah).

1.1 Bidang Bacaan

Pembacaan haruslah meliputi bidang – bidang di bawah ini. Penekanan yang hendaklah diberikan kepada Malaysia dan daerah serantau.

Bahan bacaan yang dipilih merupakan sampel petikan yang sesuai bagi setiap bidang.

Bidang	Catatan
Sains sosial: meliputi bidang sosiologi, pendidikan, politik, ekonomi, psikologi, geografi, dan kebudayaan.	Tumpuan hendaklah diberikan kepada persoalan umum semasa.
Kemanusiaan: meliputi bidang keagamaan, sejarah, falsafah, sukan, dan linguistik.	Tumpuan hendaklah diberikan kepada persoalan umum yang menyentuh manusia sejagat.
Sains dan teknologi: meliputi bidang sains, matematik, kejuruteraan, perubatan, komputer, veterinar, pertanian, dan perikanan.	Tumpuan hendaklah diberikan kepada sejarah, falsafah, prinsip, dan aplikasinya.
Karya kreatif: meliputi riwayat hidup,	Tumpuan hendaklah diberikan kepada

kisah, perasaan, emosi, dan imaginasi.	aspek kebahasaan.
--	-------------------

1.2 Kedalaman Pengajian Am

Kajian dan pengetahuan berkenaan sesuatu bidang itu hendaklah memperlihatkan kematangan dalam kefahaman dan pemikiran. Pengajian dan pemerolehan pengetahuan melalui pembacaan dan perbincangan itu haruslah memberikan tumpuan kepada yang berikut:

1.2.1 Jenis Komunikasi Prosa

(i) Mengenal bentuk-bentuk komunikasi prosa yang lazim dengan memberikan tumpuan kepada ciri dan gaya penulisan:

- (a) deskriptif
- (b) naratif
- (c) informatif
- (d) penghujahan
- (e) penilaian

(ii) Mengenal bentuk laras bidang supaya dapat memahami isi kandungan yang tersurat dan tersirat bagi menjana idea-idea dalam membincangkan permasalahan atau isu dan kemampuan untuk mengaplikasi, menganalisis, mengsisstesis dan menilai pengetahuan yang diperolehi serta berkebolehan untuk membuat perhitungan di mana yang relevan .

(iii) Mengeluarkan idea yang berorientasi pelbagai laras bidang dari bahan-bahan yang berkaitan dalam bentuk prosa secara teratur dan sistematik dengan menggunakan bahasa yang mapan dan berkesan. Perbincangan perlu dikaitkan dengan isu - isu semasa dalam Tajuk 4 (Pengetahuan Am).

1.2.2 Jenis Komunikasi Teknikal

(i) Mengenali dan memahami bentuk-bentuk komunikasi teknikal yang asas dengan tumpuan kepada pemboleh ubah, aspek-aspek teknikal, nilai, kejelasan, persembahan, dan kerja-kerja penghitungan yang berkaitan:

(a) jadual – antara dan dalam sektor; dalam sektor sahaja.

(b) graf (komunikasi berpaksi) – garis dan bar; kompaun dan komponen: mudah dan kompleks

(c) carta – pai, aliran; mudah dan kompleks

(d) piktograf – piktogram, gambar rajah

(ii) Menganalisis fakta dan data bagi mengeluarkan idea yang berorientasikan pelbagai aras bidang dari bahan – bahan yang berkaitan dalam bentuk teknikal (perangkaan dan grafik)

(iii) Memilih dan membina media teknikal yang sesuai.

Pengetahuan Kenegaraan Malaysia (Anggaran 65 waktu)

Pengetahuan ini haruslah meliputi sistem pentabiran dan perundangan Malaysia yang berasaskan perlembagaan negara.

2.1 Perlembagaan (Rujuk Bahagian 2 dan 3 Perlembagaan Malaysia)

2.1.1 Mengetahui takrif dan konsep perlembagaan, dan konsep ketertinggian perlembagaan.

2.1.2 Mengetahui jenis perlembagaan: bertulis dan tidak bertulis.

2.1.3 Mengkaji perkembangan perlembagaan Malaysia

2.1.4 Mengkaji perlembagaan Malaysia: negeri dan persekutuan

2.1.5 Mengkaji peruntukan utama dalam perlembagaan Malaysia:

kewarganegaraan; hak asasi; sistem pemerintahan – raja berperlembagaan, demokrasi berparlimen, dan negara persekutuan.

2.1.6 Mengenali jenis-jenis pindaan perlembagaan – pindaan yang memerlukan majoriti 2/3 ahli Majlis Parlimen dan diperkenan oleh Majlis Raja-Raja, majoriti 2/3 ahli Majlis Parlimen, majoriti 2/3 ahli Majlis Parlimen dan kelulusan Yang Dipertuan Sabah dan Sarawak, majoriti mudah Majlis Parlimen.

2.2 Sistem Pemerintahan

2.2.1 Memahami konsep umum seperti:

- (i) konsep negara dan mengenali ciri
- (ii) membezakan sistem negara: kesatuan, konfederasi, persekutuan.
- (iii) membezakan bentuk negara: monarki, republik, demokrasi, autokrasi

2.2.2 Memahami sistem pemerintahan kerajaan Malaysia dari segi sistem negara, bentuk negara, dan pengasingan kuasa (pentabiran, perundangan, kehakiman)

2.3 Pentadbiran

2.3.1 Struktur, organisasi pentabiran, peranan, dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan (Rujuk Bahagian 4 Perlembagaan Malaysia)

- (i) Bidang kuasa – Senarai Persekutuan, Senarai Bersama, Senarai Negeri.
- (ii) Struktur organisasi Kerajaan Persekutuan dan fungsinya – Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, kabinet, kementerian, agensi awam, suruhanjaya, Majlis. Perhatian hendaklah diberikan juga kepada Sistem Birokrasi

2.3.2 Struktur, organisasi pentabiran, peranan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri. (Rujuk Bahagian 5 Perlembagaan Malaysia)

- (i) Bidang kuasa – Senarai Persekutuan, Senarai Bersama, Senarai Negeri
- (ii) Struktur organisasi Kerajaan Negeri dan fungsinya – Sultan/Yang Dipertua.

2.3.3 Struktur, organisasi pentadbiran, peranan dan tanggungjawab Kerajaan Tempatan

- (i) Bidang kuasa – di bawah kawalan kerajaan negeri dan kuasa autonomi
- (ii) Jenis – perbandaran, majlis daerah.
- (iii) Struktur organisasi Kerajaan Tempatan.

2.3.4 Penyelarasan pentadbiran antara Persekutuan dengan Negeri, Negeri dengan Negeri, Kementerian dengan Kementerian, Persekutuan dengan Kerajaan Tempatan

2.3.5 Kewangan Negara (Rujuk Bahagian 7 Perlembagaan Malaysia)

- (i) Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Kerajaan Negeri
- (ii) Sumber kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Tempatan
- (iii) Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan.
- (iv) Belanjawan Negara
- (v) Kumpulan Wang Luar Jangka
- (vi) Kumpulan Wang Amanah
- (vii) Kumpulan Wang Rizab Negeri
- (viii) Penyerahan cukai dan royalti kepada Negeri
- (ix) Pinjaman Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan
- (x) Institusi Ketua Audit Negara

Perundangan

3.1 Sejarah Perundangan Malaysia

Sejarah perundangan dilihat dari segi perkembangan sumber dan jenis undang-undang di Malaysia:

3.1.1 Undang-undang bertulis: perlembagaan, akta, enakmen, ordinan, perundangan kecil.

3.1.2 Undang-undang tidak bertulis: undang-undang adat, undang-undang Islam, undang-undang lazim Inggeris, Doktrin Duluhan Kehakiman

3.2 Badan Penggubal Undang – Undang

3.2.1 Badan Perundangan Persekutuan

(i) Komponen Parlimen – Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara, Dewan Rakyat

(ii) Fungsi Parlimen dan Komponennya

(iii) Keahlian Dewan Rakyat dan Dewan Negara – syarat kelayakan dan keistimewaan

(iv) Proses penggubalan dan pelulusan undang-undang

3.2.2 Badan Perundangan Negeri

(i) Komponen Sultan atau Yang di-Pertua Negeri dan Dewan Undangan Negeri.

(ii) Fungsi Badan Perundangan Negeri.

(iii) Proses penggubalan dan pelulusan undang-undang.

3.2.3 Pembahagian Kuasa dalam hal perundangan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri (Rujuk Jadual 6 Perlembagaan Malaysia).

3.2.4 Pilihan Raya (Rujuk Bahagian 8 Perlembagaan Malaysia)

(i) Suruhanjaya Pilihan Raya – peranan dan bidang kuasa.

(ii) Perjalanan dan prosedur pilihan raya.

3.3 Sistem Kehakiman (Rujuk Bahagian 9 Perlembagaan Malaysia)

3.3.1 Perkhidmatan Kehakiman

(i) Pentadbiran

(ii) Perlantikan dan pemecatan anggota kehakiman.

(iii) Kebebasan kehakiman

3.3.2 Fungsi Kehakiman

(i) Mentadbir undang-undang

(ii) Mengesahkan undang-undang

(iii) Mentafsikan undang-undang

(iv) Menyelesaikan pertikaian

(v) Memelihara hak kewarganegaraan

3.3.3 Jenis Mahkamah

(i) Mahkamah Awam – struktur dan bidang kuasa, termasuk perbezaan struktur mahkamah antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

- (a) Mahkamah Persekutuan
- (b) Mahkamah Rayuan
- (c) Mahkamah Tinggi
- (d) Mahkamah Sesyen
- (e) Mahkamah Majistret
- (f) Mahkamah Penghulu

(ii) Mahkamah Khas Raja-Raja – Keanggotaan dan bidang kuasa

(iii) Mahkamah Syariah – struktur dan bidang kuasa;

- (a) Mahkamah Rayuan Syariah
- (b) Mahkamah Tinggi Syariah
- (c) Mahkamah Rendah Syariah

(iv) Mahkamah Khas – keanggotaan dan bidang kuasa.

- (a) Mahkamah Juvana
- (b) Mahkamah Tentera
- (c) Mahkamah Bumiputera
- (d) Mahkamah Perusahaan
- (e) Mahkamah Buruh
- (v) Badan pengadilan yang lain – keanggotaan dan bidang kuasa

- (a) Pesuruh Khas Bagi Cukai Pendapatan
- (b) Badan Tatatertib Profesional, misalnya Majlis Peguam dan Persatuan Perubahan Malaysia.

3.3.4 Atur cara Perbicaraan dan Rayuan di Mahkamah

- (i) Atur cara Sivil.
- (ii) Atur cara jenayah.

3.3.5 Perkhidmatan Perundangan

(i) Peguam Negara- Status dan bidang kuasa

(ii) Peguamcara Negara dan Penggubal Undang-Undang Parlimen – Status dan bidang kuasa

(iii) Biro Bantuan Guaman- fungsi/peranan

NOTA: Calon hendaklah peka terhadap apa jua perubahan, perkembangan dan penyesuaian yang berkaitan dengan status , bidang kuasa dan fungsi dalam hal-hal Kenegaraan Malaysia.

4. Pengetahuan Am (Anggaran 35 waktu)

Pemahaman isu-isu penting mengenai Malaysia dan daerah serantau, serta isu-isu penting mengenai Malaysia dan dunia dari segi ekonomi, kebudayaan, dan kerjasama serantau.

4.1 Dasar Dalam Negara

4.1.1 Dasar Ekonomi

(i) Pra Dasar Ekonomi Baru

- (a) Rancangan Malaya I (1956-1960)
- (b) Rancangan Malaya II (1961-1965)
- (c) Rancangan Malaysia I (1966-1970)

(ii) Dasar Ekonomi Baru

- (a) Rancangan Malaysia II (1970-1975)
- (b) Rancangan Malaysia III (1976-1980)
- (c) Rancangan Malaysia IV (1981-1985)
- (d) Rancangan Malaysia V (1986-1970)

(iii) Dasar Pembangunan Nasional

- (a) Rancangan Malaysia VI (1991-1995)
- (b) Rancangan Malaysia VII (1996-2000)

(c) Rancangan-rancangan berikutnya.

Tumpuan hendaklah diberi kepada dasar-dasar yang meliputi objektif dan strategi;

(i) Dasar Pelbagaian Ekonomi

(ii) Dasar Pertanian

- (iii) Pelan Induk Perindustrian
- (iv) Dasar Perindustrian Berat
- (v) Dasar Pensyarikatan Malaysia
- (vi) Dasar Penswastaaan
- (vii) Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran
- (viii) Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam
- (ix) Dasar Belilah Barangan Buatan Malaysia
- (x) Dasar Kependudukan
- (xi) Dasar Halacara Baru dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar

4.1.2 Dasar Sosiopolitik

- (i) Masyarakat majmuk – masalah perpaduan, usaha-usaha untuk memupuk perpaduan : tumpuan hendaklah diberikan kepada
 - (a) Dasar Pendidikan Negara (Falsafah Pendidikan)
 - (b) Dasar Kebudayaan Kebangsaan
 - (c) Rukun Negara
 - (d) Persemuafakatan Politik
 - (e) Intergrasi Nasional
- (ii) Kecekapan Pentadbiran Awam – tumpuan hendaklah diberi kepada
 - (a) Dasar Pandang Ke Timur
 - (b) Penerapan Nilai-nilai Islam
 - (c) Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja

4.1.3 Wawasan 2020 – tumpuan kepada objektif/matlamat, cabaran-cabaran, strategi pengisian untuk mencapai matlamat Malaysia Maju dan Pembangunan Menyeluruh.

4.2 Dasar Luar Negara

4.2.1 Faktor-faktor yang menentukan dasar luar:

- (i) Kepentingan Malaysia
- (ii) Geostrategik
- (iii) Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu
- (iv) Islam
- (v) Bekas Tanah Jajahan
- (vi) Dasar Berkecuali

4.2.2 Perkembangan dasar luar berdasarkan era kepimpinan kerajaan

- (i) Pro Barat
- (ii) Berkecuali

4.2.3 Malaysia dan serantau (ASEAN) dengan tumpuan kepada dasar dan kegiatan bersama:

- (i) Keanggotaan
- (ii) Bentuk-bentuk kerajaan – politik, ekonomi dan sosial
- (iii) Cabaran dalam ASEAN

4.2.4 Malaysia dan badan-badan antarabangsa dengan tumpuan kepada penglibatan dan kepentingan Malaysia dalam badan-badan tersebut, termasuk persidangan antarabangsa yang utama.

- (i) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- (ii) Komanwel
- (iii) Kerjasama Selatan-Selatan
- (iv) Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
- (v) Pertubuhan Negara-negara Islam

4.3 Isu Semasa

Isu-isu, peristiwa, dan projek terkini yang berkaitan dengan pembangunan negara, serantau dan antarabangsa. Perbincangan dalam perkara ini boleh diaplikasikan dalam bahagian bentuk komunikasi.

Senarai Bacaan

Bahan-bahan bacaan hendaklah terdiri daripada berbagai-bagai jenis. Senarai di bawah ini merupakan panduan sahaja, bukan senarai yang lengkap.

1. Bacaan umum
 - (a) Akhbar Harian
 - (b) Majalah tempatan dan antarabangsa
 - (c) Risalah-risalah kerajaan
 - (d) Rancangan-rancangan Malaysia
 - (e) Perlembagaan Malaysia
 - (f) Laporan Ekonomi Tahunan
2. Buku rujukan
 - (a) Abdullah Sanusi Ahmad, Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1982.
 - (b) Ahmad Atory Hussain, Pengantar Pentadbiran Awam, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1983.
 - (c) Buku tahunan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.
 - (d) Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia, INTAN, Kuala Lumpur 1991
 - (e) Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur
 - (f) Malaysia kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan , Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1991.
 - (g) Malaysia Year Book, Berita Publishing, Kuala Lumpur.
 - (h) Prof Ahmad Mohamed Ibrahim & Ahilemah Joned, Sistem Undang-undang di Malaysia Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.